

SILAT OLAHRAGA

1.0 PERATURAN PERTANDINGAN

Pertandingan ini dijalankan mengikut Undang-Undang Persekutuan Pencak Silat Antarabangsa (PERSILAT) Versi 6 August 2022 dan Peraturan Am Karnival Sukan SUPER UiTM (SUPER UiTM 2025)

2.0 JENIS PERTANDINGAN

Pertandingan secara individu.

3.0 PENDAFTARAN PEMAIN

- 3.1 Perkara 5.0. di dalam Peraturan Am Karnival Sukan SUPER UiTM (SUPER UiTM 2025) adalah dirujuk.
- 3.2 Setiap pasukan dibenarkan mendaftar seramai tidak lebih dari satu (1) orang pesilat bagi setiap kategori.
- 3.3 Borang Pendaftaran Penyertaan, Borang Jaminan Diri dan Borang Pemeriksaan Kesihatan hendaklah diserahkan kepada penyelaras permainan sebelum permainan bermula.

4.0 SISTEM PERTANDINGAN

- 4.1 Pertandingan akan dijalankan secara kalah mati.
- 4.2 Pesilat-pesilat yang pernah mewakili UiTM di dalam Kejohanan Sukan MASUM akan diberi keutamaan sebagai pesilat pilihan.
- 4.3 Pesilat-pesilat yang pernah mewakili negeri atau negara atau mempunyai rekod cemerlang juga akan diberi keutamaan.

5.0 KATEGORI PERTANDINGAN

Kategori yang di pertandingkan adalah:-

Kategori Kelas Putera (kg)	Kategori Kelas Puteri (kg)
Kelas A 45 - 50	Kelas A 45 - 50
Kelas B 50 - 55	Kelas B 50 -55
Kelas C 55 - 60	Kelas C 55 - 60
Kelas D 60 - 65	Kelas D 60 - 65
Kelas E 65 - 70	Kelas E 65 – 70
Kelas F 70 - 75	Kelas F 70 - 75
Kelas G 75 - 80	Kelas Bebas >65
Kelas H 80 - 85	
Kelas I 85 - 90	
Kelas J 90 - 95	
Kelas Bebas 85 - 110	

6.0 MASA

Masa bagi setiap pusingan adalah selama dua (2) minit, **masa rehat satu (1) minit dan di jalankan sebanyak** tiga (3) pusingan (2,1,2,1,2) untuk setiap perlawanan. Bagaimanapun tertakluk kepada sebarang perubahan semasa pertandingan

7.0 BANTAHAN / TATATERTIB

Sila rujuk Perkara 14.0, 15.0 dan 16.0 Peraturan Am.

8.0 SESI TIMBANG

Semasa pendaftaran pasukan, sesi timbang tidak akan dijalankan. Walau bagaimanapun, sesi timbang akan dijalankan sebelum pertandingan dan timbang ulang tidak dijalankan. Pesilat hendaklah melepasi timbangan berat mengikut kategori masing-masing yang telah ditetapkan dan tiada (+/-)kg.

9.0 PAKAIAN

- 9.1 Setiap pesilat hendaklah memakai pakaian seragam silat berwarna hitam potongan baju melayu dengan lengan baju panjangnya hingga ke pergelangan tangan (+/- 1cm) serta panjang seluar hingga ke pergelangan kaki (+/- 1cm).
- 9.2 Setiap pesilat hendaklah **WAJIB** memakai pelindung badan dan kemaluan yang diperbuat daripada bahan plastik.
- 9.3 Pelindung sendi dibenarkan pakai tetapi ketebalannya tidak melebihi dari 1cm dan diperbuat dari bahan yang tidak keras.

10.0 PERALATAN

Pihak penganjur akan menyediakan peralatan bagi pertandingan walau bagaimanapun, setiap pasukan digalakkan membawa peralatan sendiri.

11.0 KELEWATAN/UNDUR DIRI

Lawan tidak muncul di geleanggang/arena setelah mendapat panggilan yang ketiga dengan setiap panggilan selama 30 saat diberikan. Maka kemenangan undur diri diberikan kepada lawannya.

12.0 PERKARA YANG TIDAK DINYATAKAN

Semua perkara yang tidak dinyatakan dalam peraturan ini akan diputuskan oleh Jawatankuasa Teknikal & Pertandingan Karnival Sukan SUPER UiTM (SUPER UiTM 2025) yang berkenaan dan keputusannya adalah **MUKTAMAD**.

13.0 PERALATAN

Pihak penganjur akan menyediakan peralatan bagi pertandingan walau bagaimanapun, setiap pasukan digalakkan membawa peralatan sendiri.

14.0 KELEWATAN/UNDUR DIRI

Lawan tidak muncul di geleanggang/arena setelah mendapat panggilan yang ketiga dengan setiap panggilan selama 30 saat diberikan. Maka kemenangan undur diri diberikan kepada lawannya.

15.0 PERKARA YANG TIDAK DINYATAKAN

Semua perkara yang tidak dinyatakan dalam peraturan ini akan diputuskan oleh Jawatankuasa Teknikal & Pertandingan Karnival Sukan SUPER UiTM (SUPER 2025) yang berkenaan dan keputusannya adalah **MUKTAMAD**.

SILAT SENI

1.0 PERATURAN PERTANDINGAN

Pertandingan ini dijalankan mengikut Undang-Undang Persekutuan Pencak Silat Antarabangsa (PERSILAT) vesrsi 6 August 2022 dan Peraturan Am Karnival Sukan SUPER UiTM (SUPER UiTM 2025)

2.0 JENIS PERTANDINGAN

Pertandingan secara individu dan berkumpulan.

3.0 PENDAFTARAN PEMAIN

- 3.1 Perkara 5.0. di dalam Peraturan Am Karnival Sukan SUPER UiTM (SUPER UiTM 2025) adalah dirujuk.
- 3.2 Setiap pasukan dibenarkan mendaftar seramai tidak lebih dari satu (1) penyertaan bagi setiap kategori.
- 3.3 Borang Pendaftaran Penyertaan, Borang Jaminan Diri dan Borang Pemeriksaan Kesihatan hendaklah diserahkan kepada penyelaras permainan sebelum permainan bermula.
- 3.4 Setiap pesilat hanya dibenarkan mengambil bahagian dalam satu acara sahaja.
- 3.5 Jawatankuasa Teknikal & Pertandingan berhak membatalkan penyertaan peserta jika didapati berlaku pelanggaran syarat-syarat penyertaan dan pertandingan.

4.0 SISTEM PERTANDINGAN

- 4.1 Pertandingan akan dijalankan secara kalah mati.
- 4.2 Pesilat-pesilat yang pernah mewakili UiTM di dalam Kejohanan Sukan MASUM akan diberi keutamaan sebagai pesilat pilihan.
- 4.3 Pesilat-pesilat yang pernah mewakili negeri atau negara atau mempunyai rekod cemerlang juga akan diberi keutamaan.

5.0 KATEGORI PERTANDINGAN

Kategori yang di pertandingkan adalah:-

5.1 Kategori Solo kreatif :

- I. **Menampilkan seorang Pesilat**
- II. Acara Putera & Puteri.
- III. pesilat ini memperagakan kemahiran dan kekayaan Teknik jurus/buah serang bela yang direka dengan gerakan serang bela di tampilkan secara terancang, efektif, mantap dan logik dalam rangkaian jurus/buah yang teratur yang dimulai dari tangan kosong serta disusuli dengan bersenjata mengikut ketentuan dan peraturan dalam kategori Solo Kreatif ini.
- IV. Masa diperuntukkan adalah selama TIGA (3) minit.
- V. Gong/wisel pertama akan dibunyikan sebagai tanda mula peragaan. Pesilat memulakan peragaan dengan pergerakan tangan kosong di susuli dengan pergerakan senjata wajib iaitu parang/golok dan tongkat/toya serta pergerakan senjata pilihan antara pisau, keris, celurit (sabit) dan trisula (tekpi). Gong/wisel kedua dibunyikan sebagai tanda masa peragaan tamat.
- VI. Jenis, ukuran dan jumlah senjata yang dipakai adalah seperti berikut : Senjata wajib : golok/parang dan **tongkat/toya**
- VII. Ukuran senjata yang dibenarkan bagi parang/golok yang diperbuat dari logam, tidak tajam/tidak runcing dengan ukuran panjangnya antara 30cm hingga 40cm dan ukuran lebarnya antara 2.5cm hingga 4cm.
- VIII. Penggunaan senjata wajib dan senjata pilihan diberikan kebebasan dalam urutan penggunaannya
- IX. Pakaian yang dibenarkan adalah baju silat model Pencak Silat Standard PERSILAT berwarna bebas dan kosong (polos). Memakai ikat kepala dan bersamping warna kosong atau bercorak.
- X. Syarat pertandingan hendaklah dirujuk kepada Undang-undang Persekutuan Pencak Silat Antarabangsa (PERSILAT).

5.2 Kategori Jurus Tunggal :

- i. Menampilkan seorang Pesilat.
- ii. Acara Putera & Puteri.
- iii. Pesilat memperagakan kemahirannya dalam Jurus Tunggal Baku secara benar, tepat dan mantap dengan penuh penjiwaan dengan menampilkan pergerakan tangan kosong sebanyak 50 pergerakan bersamaan 7 jurus serta pergerakan bersenjata 50 pergerakan bersamaan 7 jurus.
- iv. Pergerakan senjata terbahagi kepada 2 senjata iaitu senjata parang/golok 25 pergerakan bersamaan 3 jurus dan senjata tongkat/toya 25 pergerakan 4 jurus.
- v. Jumlah masa adalah TIGA (3) minit.
- vi. Gong/wisel pertama akan dibunyikan sebagai tanda mula peragaan. Pesilat memulakan peragaan dengan mengikut urutan yang dimulai pergerakan tangan kosong di susuli dengan pergerakan parang/golok serta pergerakan tongkat/toya. Gong/wisel kedua dibunyikan sebagai tanda masa peragaan tamat.
- vii. Ukuran senjata yang dibenarkan bagi parang/golok yang diperbuat dari logam, tidak tajam/tidak runcing dengan ukuran panjangnya antara 30cm hingga 40cm dan ukuran lebarnya antara 2.5cm hingga 4cm.
- viii. Bagi senjata yang dibenarkan satu lagi adalah tongkat/toya ukuran panjangnya antara 150cm hingga 180cm, dengan garis tengahnya (diameter) dari 2.5cm hingga 3.5cm.
- ix. Pakaian yang dibenarkan adalah baju silat model Pencak Silat Standard PERSILAT berwarna bebas dan kosong (polos). Memakai ikat kepala dan bersamping warna kosong atau bercorak.
- x. Syarat pertandingan hendaklah dirujuk kepada Undang-undang Persekutuan Pencak Silat Antarabangsa (PERSILAT).

5.3 Kategori Ganda :

- i. Menampilkan dua (2) orang pesilat
- ii. Acara Putera & Puteri.
- iii. Kedua pesilat ini memperagakan kemahiran dan kekayaan Teknik jurus/buah serang bela yang direka dengan gerakan serang bela di tampilkan secara terancang, efektif, mantap dan logik dalam rangkaian jurus/buah yang teratur yang dimulai dari tangan kosong serta disusuli dengan bersenjata mengikut ketentuan dan peraturan dalam kategori ganda ini.
- iv. Masa diperuntukkan adalah selama TIGA (3) minit.
- v. Gong/wisel pertama akan dibunyikan sebagai tanda mula peragaan. Pesilat memulakan peragaan dengan pergerakan tangan kosong di susuli dengan pergerakan senjata wajib iaitu parang/golok dan tongkat/toya serta pergerakan senjata pilihan antara pisau, keris, celurit (sabit) dan trisula (tekpi). Gong/wisel kedua dibunyikan sebagai tanda masa peragaan tamat.
- vi. Jenis, ukuran dan jumlah senjata yang dipakai adalah seperti berikut :
Senjata wajib : golok/parang dan tongkat/toya
- vii. Senjata pilihan : wajib memilih satu daripada senjata ini: Pisau, Keris, Clurit dan Trisula
- viii. Penggunaan senjata wajib dan senjata pilihan diberikan kebebasan dalam urutan penggunaannya
- ix. Ukuran senjata yang dibenarkan bagi parang/golok yang diperbuat dari logam, tidak tajam/tidak runcing dengan ukuran panjangnya antara 30cm hingga 40cm dan ukuran lebarnya antara 2.5cm hingga 4cm.
- x. Bagi senjata yang dibenarkan satu lagi adalah tongkat/toya ukuran panjangnya antara 150cm hingga 180cm, dengan garis tengahnya (diameter) dari 2.5cm hingga 3.5cm.
- xi. Sebarang senjata yang ingin digunakan mesti ditunjukkan dan diluluskan oleh wasit juri terlebih dahulu.
- xii. Pakaian yang dibenarkan adalah baju silat model Pencak Silat Standard PERSILAT berwarna bebas dan kosong (polos). Memakai ikat kepala dan bersamping warna kosong atau bercorak.

- xiii. Syarat pertandingan hendaklah dirujuk kepada Undang-undang Persekutuan Pencak Silat Antarabangsa (PERSILAT).

5.4 Kategori Regu :

- i. Menampilkan TIGA (3) peserta.
- ii. Acara Putera & Puteri.
- iii. Pesilat memperagakan kemahirannya dalam Jurus Regu Baku secara benar, tepat, mantap, penuh penjiwaan dan padat dengan pergerakan tangan kosong menikut ketentuan dan peraturan bai kategori regu ini.
- iv. Masa diperuntukkan adalah selama TIGA (3) minit.
- xiv. Gong/wisel pertama akan dibunyikan sebagai tanda mula peragaan dan Gong/wisel kedua dibunyikan sebagai tanda masa peragaan tamat.
- v. Pakaian yang dibenarkan adalah baju silat model Pencak Silat Standard PERSILAT berwarna hitam dan kosong (polos). Sabuk/Bengkong berwarna putih dengan ukuran lebarnya 10cm yang pakai dan tidak boleh diikat atau disimpul dan juga tidak terurai serta tiada aksesori.
- vi. Syarat pertandingan hendaklah dirujuk kepada Undang-undang Persekutuan Pencak Silat Antarabangsa (PERSILAT).

6.0 BANTAHAN / TATATERTIB

Sila rujuk Perkara 14.0, 15.0 dan 16.0 Peraturan Am

7.0 KELEWATAN/UNDUR DIRI

Apabila setelah tiga (3) kali panggilan yang dibuat oleh setiausaha/ketua pertandingan dengan setiap panggilan selama 30 saat diberikan, pesilat tersebut tidak memasuki gelanggang/arena pertandingan. Maka pesilat dinyatakan undur diri.

8.0 PERKARA YANG TIDAK DINYATAKAN

Semua perkara yang tidak dinyatakan dalam peraturan ini akan diputuskan oleh Jawatankuasa Teknikal & Pertandingan Karnival Sukan SUPER UiTM (SUPER UiTM 2025) yang berkenaan dan keputusannya adalah **MUKTAMAD**.